

## Pengalaman Trauma semasa Zaman Kanak-kanak dan Pengaruhnya Terhadap Keyakinan Diri Remaja di Kuala Lumpur

*Childhood Trauma and The Relationship towards Self-Confidence Among Teenagers in Kuala Lumpur*

Arifah Yusri

<sup>1</sup>Mohd Nasir Selamat

Pusat Kajian Psikologi & Kesejahteraan Manusia  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel: <sup>1</sup>md\_nasir@ukm.edu.my

### ABSTRAK

*Kes penderaan kanak-kanak saban tahun dilihat semakin meningkat dan membimbangkan. Kesan kepada penderaan tersebut telah memberikan kesan jangka panjang kepada kanak-kanak terutama apabila mereka menempuh alam dewasa kelak. Keadaan berlarutan boleh menjadikan individu terbabit mengalami masalah seperti bersikap anti sosial, kemurungan dan lebih teruk terlibat dengan gejala sosial. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pengalaman trauma semasa zaman kanak-kanak dan pengaruhnya terhadap keyakinan diri remaja di Kuala Lumpur. Lima dimensi utama digunakan untuk mengkaji trauma kanak-kanak iaitu, penderaan fizikal, penderaan emosi, pengabaian fizikal, pengabaian emosi, dan juga penderaan seksual. Responden bagi kajian ini telah dipilih dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah yang berada di tingkatan satu, dua, dan empat, yang sedang bersekolah di sekitar Kuala Lumpur. Pemilihan sekolah pula adalah dikhurasukan kepada sekolah yang mempunyai ramai pelajar berlatar belakang keluarga B40. Soal selidik bagi kajian diedarkan secara dalam talian melalui guru-guru kaunselor untuk memudahkan pengumpulan responden. Pautan tersebut diberikan kepada semua pelajar, namun hanya pelajar yang mempunyai pengalaman menjadi mangsa dera sahaja yang dibenarkan untuk menjawab keseluruhan bahagian soal selidik dan bertepatan dengan teknik persampelan bertujuan yang digunakan oleh pengkaji. Hasil kajian mendapati bahawa semua jenis trauma kanak-kanak iaitu penderaan fizikal, penderaan emosi, pengabaian fizikal, pengabaian emosi, dan juga penderaan seksual mempunyai hubungan korelasi yang sangat signifikan dengan keyakinan diri. Dimensi pengabaian emosi menunjukkan jenis trauma yang paling banyak dihadapi oleh remaja di Kuala Lumpur.*

**Kata kunci:** Trauma kanak-kanak, keyakinan diri, penderaan fizikal, penderaan emosi, pengabaian emosi, pengabaian fizikal, remaja

### ABSTRACT

*Every year, cases of child abuse are seem to be increasing and alarming. The impact of the abuse will certainly have a long-term impact on the children, especially when they become adulthood. Therefore, this study was conducted to investigate the childhood trauma questionnaire and its effect on self-confidence among teenagers especially in Kuala Lumpur, the capital city. There are five main dimensions in Childhood Trauma Questionnaire, which*

*is physical abuse, emotional abuse, physical neglect, emotional neglect, and sexual abuse. Respondents for this study were selected among secondary school students from form one, two and four, who are currently studying in Kuala Lumpur. The targeted schools are the schools that have many students with B40 family backgrounds. The questionnaires for this study were spread online with the help from counselors to ease the process of collecting of respondents. The link was given to all students, however only students with the experience of being abused were allowed to answer the entire section of the questionnaire and coincided with the purposive sampling technique used in this research. The results showed that each dimensions in Childhood Trauma Questionnaire, physical abuse, emotional abuse, physical neglect, emotional neglect, and sexual abuse have a very significant correlation with self-confidence, while the most common trauma among teenagers in Kuala Lumpur is emotional neglect.*

**Key words:** *Childhood trauma, self-confidence, physical abuse, emotional abuse, emotional neglect, physical neglect, teenagers*

## 1. Pengenalan

Kerajaan Malaysia amat menitikberatkan pembangunan minda kanak-kanak terutama dalam bidang pendidikan yang secukupnya beserta wawasan demi agama, bangsa dan negara. Malangnya, dalam memperkayakan persekitaran yang kondusif untuk tumbesaran kanak-kanak di negara ini, masih lagi terdapat kes-kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak (Alavi et al. 2012). Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kes penderaan kanak-kanak dilihat meningkat saban tahun, di mana tahun 2013 mencatatkan 4119 kes, seterusnya meningkat kepada 4295 kes pada tahun 2014, dan diikuti 4453 kes pada tahun 2015. Peningkatan yang agak mendadak pada tahun 2016 dengan nilai 4982 kes dan seterusnya meningkat lagi pada tahun 2017 dengan rekod 5537. Menurut Harian Metro bertarikh 14 Disember 2020, kes penderaan fizikal pada tahun 2018 adalah sebanyak 5578 kes, dan terus meningkat pada tahun 2019 dengan kes yang dicatatkan sebanyak 6061, dan meningkat lagi sehingga mencecah nilai 6630 pada September 2020. Peningkatan kes ini dilihat sangat membimbangkan kerana kesan kepada penderaan ini akan dapat diperhatikan apabila mereka menjadi dewasa kelak dan disebabkan itu negara kini berhadapan dengan satu persoalan besar tentang tahap kelangsungan hidup generasi hari ini disebabkan krisis yang melanda kanak-kanak dari pelbagai sudut termasuklah penderaan (Zasmani 2003).

Berita-berita yang melibatkan penderaan kanak-kanak dapat dilihat pada tahun 2017, iaitu melibatkan kes pengabaian kanak-kanak yang paling menyedihkan apabila seorang ibu sanggup mengurung anaknya selama dua tahun dalam sebuah bilik tanpa memberikan makanan dan jagaan yang sewajarnya. Selain itu, pada 14 Mac 2018 pula, seorang kanak-kanak meninggal dunia akibat seorang ibu terlupa dan meninggalkan mangsa dalam kereta tanpa sengaja. Pada 19 April 2018, media melaporkan tentang kes seorang remaja perempuan yang berusia 16 tahun telah dirogol oleh ayah tirinya sehingga mengandung. Kejadian itu berterusan semenjak enam tahun yang lalu mengakibatkan remaja tersebut ketagihan seks dan melakukan perbuatan itu bersama teman lelakinya juga. Selanjutnya, pada 18 Jun 2018, akhbar arus perdana melaporkan tentang kes seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun telah dikelar oleh ibu kandungnya sendiri sehingga membawa kepada kematian. Pada 27 Jun 2018, seorang ibu telah melempar bayi yang baru dilahirkan daripada kediannya di tingkat dua sehingga mengakibatkan kematian. Berita-berita ini sangat menakutkan dan tentunya akan memberikan kesan trauma kepada kanak-kanak yang menghadapinya.

Trauma kanak-kanak atau penderaan kanak-kanak mempunyai implikasi besar dalam perkembangan manusia, kerana perkara ini merupakan penyebab utama morbiditi kanak-kanak dalam pengkhususan kesihatan dan ketidakupayaan fizikal, kesihatan emosi, dan perkembangan kesihatan anak. Selain itu, kesan jangka panjang bukan sahaja berlaku kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa, malahan juga kepada keluarga dan masyarakat, serta wujudnya tingkah laku juvana, penyalahgunaan dadah, dan juga jenayah. Kesan penderaan emosi bakal mendedahkan kanak-kanak kepada gangguan psikiatri, gangguan perkembangan fizikal, serta gangguan perkembangan psikologi (Noorjannah 2014). Gangguan perkembangan psikologi yang dimaksudkan boleh berkait dengan keyakinan diri. Banyak kajian yang telah dijalankan sebelum ini mengatakan bahawa keluarga sangat berperanan penting dalam pembentukan peribadi dan perkembangan ilmu terutama pada awal kanak-kanak (Maisarah & Syaza Hazwani 2021; Newman et al. 2019; Talib, Mohamad, & Mamat 2011).

Menurut Zasmani Shafiee (2003) negara kini sedang berhadapan dengan satu persoalan tentang tahap kelangsungan hidup generasi hari ini. Beliau mendedahkan pada tahun 2002, Unit Psikiatri Kanak-Kanak dan Remaja (HUKM) menerima sebanyak 1,550 pesakit yang mengalami pelbagai masalah emosi dan tingkah laku. Kanak-kanak yang berusia sepuluh hingga 16 tahun ini mengalami pelbagai bentuk masalah seperti kemurungan, psikosis, autisme, enggan ke sekolah, 20 tingkah laku yang buruk, hiperaktif atau sentiasa berada dalam kebimbangan. Keadaan terkini pastinya berubah dengan perkembangan dunia moden di mana adaptasi positif terhadap situasi semasa amatlah perlu. Kajian kesihatan mental kanak-kanak di Malaysia mendapati bahawa perubahan tingkah laku ini adalah dipengaruhi oleh cara gaya keibubapaan, hubungan interpersonal ibubapa dan kanak-kanak, konflik antara ibubapa dan kesihatan mental ibu bapa sehingga keadaan ini membentuk pengalaman dalam hidup kanak-kanak itu kelak (Fordham & Kennedy 2017; Teoh & Rose 2001).

Pengalaman trauma semasa zaman kanak-kanak mempunyai lima (5) dimensi, iaitu penderaan fizikal, penderaan emosi, penderaan seksual, pengabaian fizikal, dan pengabaian emosi (Bernstein & Fink 1998). Mengikut Akta kanak-kanak 2001, penderaan kanak-kanak juga merujuk kepada dimensi yang sama iaitu apabila seseorang kanak-kanak pernah atau berisiko besar menjadi mangsa dera secara fizikal, emosi, seksual, atau pengabaian daripada segi penjagaan, makanan, tempat tinggal, pakaian, perubatan, pemantauan dan keselamatan, atau pengabaian lain seperti membiarkan mereka berada di jalanan, atau meminta mereka menjadi peminta sedekah. Oleh sebab itu, dalam kajian ini akan mengambil kira penderaan kanak-kanak juga merupakan sebahagian daripada pengalaman trauma semasa zaman kanak-kanak.

Isu penderaan kanak-kanak ini mempunyai kesan yang sangat besar kepada mangsa, antaranya kerosakan organ, otak dan tubuh badan kanak-kanak dan lebih teruk lagi boleh membawa kepada kematian sekiranya melibatkan penderaan fizikal. Noorjannah (2014) mengatakan bahawa kesan penderaan emosi pula bakal mendedahkan kanak-kanak kepada gangguan psikiatri, gangguan perkembangan fizikal, serta gangguan perkembangan psikologi. Manakala bagi kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan seksual pula akan membawa kepada trauma, kemurungan, berasa terancam, dan kecewa sepanjang hidupnya (Natasya et al. 2020; Sharif & Diyana 2012). Pengabaian pula akan menyebabkan kesejahteraan masa hadapan kanak-kanak terjejas. Menurut sebuah kajian yang dijalankan oleh Norsaleha Mohd Salleh (2019), terdapat 12 faktor yang menjadi penyebab kanak-kanak ini menjadi mangsa dera oleh ibu bapa atau penjaga. Antaranya ialah perbalahan keluarga, ibu bapa kaki botol/pemabuk, kaki judi, penagih, terlibat dengan jenayah, gila seks serta ibu mengikut teman lelaki, pernah menjadi mangsa dera, mengalami masalah kesihatan mental,

mempercayai kepercayaan karut, ibu bapa cuai, dan masalah kewangan. Kesemua faktor ini dilihat mampu memberi kesan kepada tahap keyakinan diri seseorang remaja.

Masa remaja adalah masa yang sangat penting dan kritikal bagi perkembangan seseorang individu iaitu dalam tempoh peralihan antara zaman kanak-kanak dan dewasa dalam sesuatu persekitaran budaya tertentu. Keyakinan diri juga turut dikaitkan dengan keberkesanan diri (*self-efficacy*), harga diri (*self-esteem*), dan identifikasi diri (*self-identification*), serta terbentuk daripada keluarga dan sikap ibu bapa yang akan membentuk diri anak-anak. Keyakinan diri ini akan mempengaruhi prestasi remaja di sekolah yang akan menentukan tahap persaingan mereka dalam pelajaran. Menurut sebuah kajian yang dijalankan oleh Minev et al. pada 2018 bertajuk *Self-Esteem in Adolescents* mengatakan bahawa keyakinan diri juga berbeza mengikut jantina. Berbanding kanak-kanak lelaki, kanak-kanak perempuan lebih terdedah kepada tahap keyakinan diri secara keseluruhan kerana mereka lebih cenderung mempunyai lebih banyak sikap negatif tentang diri sendiri berbanding lelaki. Sebaliknya, kanak-kanak lelaki mempunyai keyakinan diri yang lebih tinggi kerana mereka menganggap diri mereka lebih berdikari dan lebih berharga, serta lebih berkeyakinan dan dilihat seperti tidak mempunyai banyak masalah.

Branden (1969) mengatakan bahawa keyakinan diri terdiri daripada dua komponen iaitu menganggap diri mereka berguna, dengan cara mempercayai kemampuan diri untuk berfikir, belajar, memilih, dan membuat keputusan yang betul, serta menghasilkan sebarang perubahan. Komponen kedua pula adalah untuk menghormati diri sendiri, iaitu dengan mempercayai bahawa setiap orang berhak untuk bahagia dan layak untuk mendapatkan penghormatan, cinta, dan kepuasan dalam hidup. Pembentukan keyakinan diri melibatkan proses yang panjang, iaitu tempoh peralihan daripada satu peringkat ke peringkat yang seterusnya, seperti pada zaman remaja kerana berlakunya perubahan psikosomatik, ketika usia tua kerana perubahan status, persaraan, dan perubahan tanggungjawab (Orth et al. 2010). Walaupun keyakinan diri sedikit menurun ketika remaja, namun akan meningkat semula ketika berada pada peringkat awal dewasa (Tsai et al. 2001).

Jelaslah, isu-isu penderaan ini sememangnya memberikan kesan yang sangat buruk kepada anak-anak kerana telah mendorong mereka membentuk tingkah laku yang negatif yang akan mempengaruhi cara mereka bersosial dengan masyarakat termasuklah ketika bersosial dan memberi respon di sekolah. Masalah-masalah seperti di atas bukanlah isu yang kecil dan boleh dipandang ringan, namun satu tindakan yang tegas, menyeluruh, dan tindakan jangka panjang perlu dilaksanakan agar kes-kes seperti ini dapat ditangani secara berperingkat. Justeru, pengkaji merasakan bahawa pentingnya kajian ini dilaksanakan agar mampu menjadi satu titik pemula kepada kerajaan agar membuka mata dan memandang berat isu ini serta mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menangani masalah-masalah ini.

Berdasarkan perbincangan di atas, beberapa objektif telah dirangka bagi kajian ini:

- i. Mengkaji jenis trauma yang dialami oleh para pelajar semasa zaman kanak-kanak.
- ii. Mengenal pasti tahap keyakinan diri para pelajar.
- iii. Mengenal pasti hubungan trauma semasa zaman kanak-kanak terhadap keyakinan diri.

## 2. Sorotan Literatur

Pengalaman trauma semasa zaman kanak-kanak adalah keadaan di mana wujudnya penderaan emosi, penderaan fizikal, penderaan seksual, pengabaian fizikal, dan pengabaian emosi (Bayram et al. 2014). Manakala menurut *Substance Abuse and Mental Health Services Administration* (SAMHSA 2014), pengalaman trauma semasa zaman kanak-kanak ini juga turut ditakrifkan sebagai kewujudan satu situasi yang mendedahkan kanak-kanak tersebut kepada ancaman, dan dianggap sebagai sesuatu yang memudaratkan bagi kanak-kanak dari

segi fizikal mahupun emosi, serta reaksi mereka terhadap situasi tersebut berkemungkinan memberikan kesan jangka panjang pada kefungsian dan kesejahteraan seseorang. Menurut sebuah kajian yang dijalankan oleh Porche et al. (2016), kanak-kanak yang mengalami trauma berpotensi untuk mengalami masalah kesihatan mental yang lebih tinggi serta berlaku kemerosotan dalam penglibatan dengan aktiviti sekolah. Antara langkah yang boleh diambil bagi menangani isu ini adalah dengan mewujudkan model interaksi penderaan kanak-kanak yang telah dikemukakan dalam sebuah kajian oleh Khadijah Alavi dan Ann Wan Seng pada tahun 2003. Selain itu, Kasmini Kassim (1990) pula memberikan garis panduan kepada ibu bapa dan penjaga agar lebih meneliti agar dapat mengenalpasti sebarang perubahan pada tingkah laku dan personaliti anak-anak.

Menurut Rosenberg (1965), keyakinan diri merujuk kepada penilaian positif individu terhadap diri sendiri. Beliau mengatakan lagi bahawa seseorang yang memiliki keyakinan diri yang tinggi akan menghormati diri sendiri dan menganggap dirinya berharga dan bernilai. Sedikides dan Gress (2003) pula mengatakan bahawa keyakinan diri sebagai persepsi atau penilaian subjektif seseorang terhadap harga dirinya, kehormatan dirinya, dan keyakinan dirinya, serta sejauh mana individu tersebut mempunyai pandangan yang positif atau negatif terhadap dirinya. Seseorang yang mempunyai keyakinan diri yang rendah cenderung untuk menunjukkan kognisi dan tingkah laku yang tidak sesuai dan memberikan hasil yang negatif (Davis 2001). Kefungsian keluarga yang baik dilihat dapat meningkatkan keyakinan diri seseorang (Lian & Yusoff 2009; Boyle 2015), dan mampu mengawal perasaan negatif seperti kemurungan (Wang & Zhao 2012).

Sebuah kajian yang dijalankan oleh Ikechukwu Uba et al. (2010) bertajuk *Effect of Self-Esteem on the Relationship between Depression and Bullying among Teenagers in Malaysia* dijalankan bertujuan untuk mengkaji peranan keyakinan diri dengan kemurungan dan perbuatan membuli dalam kalangan remaja. Hasil kajian ini mendapati bahawa tiada perbezaan jantina antara lelaki dan perempuan bagi aspek keyakinan diri. Selain itu, terdapat hubungan korelasi negatif yang sederhana antara kemurungan dan keyakinan diri, keyakinan diri dan membuli, dan terdapat hubungan korelasi positif yang lemah antara kemurungan dan membuli.

Seterusnya, sebuah kajian yang bertajuk *Child Maltreatment Experience among Primary School Children: A Large Scale Survey in Selangor State, Malaysia* oleh Ayesha Ahmed dan rakan-rakan pada tahun 2015 dijalankan bertujuan untuk menentukan jumlah penganiayaan fizikal dan emosi, serta pengabaian yang dilakukan oleh ibu bapa dan guru. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji hubungan antara penganiayaan kanak-kanak dan faktor sosio-demografi yang penting seperti kefungsian keluarga dan simptom kemurungan yang dialami oleh kanak-kanak. Hasil dapatan kajian mendapati, tiga (3) daripada empat (4) kanak-kanak berusia 10-12 tahun melaporkan sekurang-kurangnya satu bentuk penganiayaan yang dialami, dengan penganiayaan fizikal ibu bapa merupakan kes yang paling kerap. Kanak-kanak lelaki dilihat berkemungkinan mengalami penganiayaan yang lebih tinggi, kecuali bagi penganiayaan emosi sahaja. Jenis etnik dan konflik ibu bapa merupakan faktor utama yang mendorong berlakunya penganiayaan ini. Kajian ini telah membuktikan bahawa pentingnya untuk meningkatkan intervensi kesihatan awam bagi mengurangkan kes penganiayaan kanak-kanak di Malaysia.

Selanjutnya, Pushpa Sukumaran (2019) telah menjalankan satu kajian yang bertajuk *Self-esteem, resilience, perceived social support and attitude towards seeking counseling among pre-university students in a university in Malaysia*. Kajian dijalankan bertujuan untuk menilai sikap terhadap mencari bantuan psikologi dan mengenal pasti bagaimana ia berkait dengan keyakinan diri, daya tahan, dan sokongan sosial dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia. Hasil kajian mendapati kebanyakan pelajar mempunyai tahap keyakinan diri dan daya tahan yang sederhana, manakala tahap sokongan sosial adalah tinggi. Selain itu, majoriti

pelajar melaporkan tahap sikap mendapat bantuan kaunseling yang sederhana. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan korelasi negatif antara keyakinan diri dengan sikap mendapatkan bantuan kaunseling, daya tahan pula tidak menunjukkan sebarang korelasi dengan sikap mendapatkan bantuan kaunseling, dan analisis regresi berganda pula mendedahkan bahawa hanya keyakinan diri dan sokongan sosial yang meramal sikap mendapatkan bantuan kaunseling dengan jelas.

Sebuah kajian bertajuk *Motivational capacities after prolonged interpersonal childhood trauma in institutional settings in a sample of Austrian adult survivors* oleh Dina Weindl, et al. (2018) telah mengkaji perhubungan antara pengalaman trauma zaman kanak-kanak dan kemampuan motivasi diri, di mana kemampuan motivasi ini melibatkan aspek keberkesanan diri (*self-efficacy*), keyakinan diri (*self-esteem*), lokus kawalan diri (*locus of control*), pembentukan emosi ke arah tingkah laku mencapai matlamat (*Emotion regulation for goal-directed behavior*), dan kesan jantina (*gender effects*). Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji kesan khusus kanak-kanak yang mengalami penderaan dan kehidupan mereka ketika dewasa berdasarkan konsep motivasi, pembentukan emosi ke arah tingkah laku mencapai matlamat, dan mediasi yang berkemungkinan membantu pembentukan emosi berdasarkan konsep motivasi. Kajian ini menggunakan data daripada tinjauan keratan rentas (cross-sectional survey) yang dijalankan di Vienna dengan mendapatkannya daripada 220 individu dewasa yang merupakan pejuang trauma interpersonal kanak-kanak yang berpanjang.

Kajian oleh Dina et al (2018) mendapati bahawa trauma interpersonal kanak-kanak yang berpanjang mempunyai hubungan secara langsung dengan penurunan kecekapan diri, keyakinan diri, dan kesukaran dalam pembentukan emosi. Pada masa yang sama, pembentukan emosi (*Emotion regulation*) dilihat berfungsi sebagai kesan mediator untuk semua konsep motivasi (*motivational concept*), serta tiada perbezaan jantina yang dapat diperhatikan dalam kajian ini. Bagi kehidupan ketika dewasa pula, faktor yang memberi pengaruh hanyalah keberkesanan diri. Dapatkan kajian ini jelas menunjukkan bahawa wujudnya perkaitan antara trauma yang dialami pada zaman kanak-kanak dengan pembentukan keyakinan diri.

Banyak kajian yang telah dijalankan sebelum ini mengatakan bahawa keluarga sangat berperanan penting dalam pembentukan peribadi terutama pada awal kanak-kanak (Talib, Mohamad & Mamat 2011). Kajian awal yang dijalankan oleh Rosenberg (1965) dan Coopersmith (1967) menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa dan kesediaan memberi autonomi dan kebebasan mempunyai hubungan yang positif dengan keyakinan diri yang tinggi dalam diri remaja. Selain itu, tahap keyakinan diri dapat dilihat daripada sikap dan tingkah laku remaja sama ada di sekolah mahupun rumah (Mogonea & Mogonea 2014). Remaja yang mempunyai tahap keyakinan diri yang tinggi mempunyai ciri-ciri seperti mampu mempengaruhi pendapat dan tingkah laku orang lain secara positif, menangani situasi baru dengan positif dan yakin, mempunyai tahap toleransi yang tinggi terhadap kekecewaan, bersedia menerima tanggungjawab awal, menilai situasi dengan benar, berkomunikasi dengan positif tentang diri mereka, mempunyai kawalan yang baik, dan mempercayai bahawa apa yang mereka lalui adalah hasil daripada tindakan dan tingkah laku mereka sendiri (Lavoie 2012). Disebabkan itu, zaman remaja sangat penting dalam perkembangan pembentukan keyakinan diri dan identiti diri, malah keyakinan diri yang rendah boleh memburukkan regulasi emosi mereka (Lin et al. 2008). Sebaliknya, keyakinan diri yang tinggi berperanan sebagai daya tahan atau penyesuaian positif (Moksnes & Espnes 2012). Oleh sebab itu, kajian terperinci perlu dilaksanakan sebagai usaha untuk membendung masalah trauma atau penderaan yang dialami oleh kanak-kanak bagi mewujudkan masa hadapan dan pembentukan diri yang lebih baik pada masa hadapan.

### 3. Metodologi

#### 3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan metod kuantitatif dengan mengkhususkan kepada kaedah tinjauan bertujuan atau pun survei yang juga telah membangunkan set soal selidik bagi tujuan edaran kepada responden-responden yang terpilih. Oleh sebab arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan oleh kerajaan, kaedah pungutan data dilaksanakan secara dalam talian iaitu menggunakan *google form*. Antara maklumat yang diperlukan daripada soal selidik tersebut ialah maklumat diri, pengalaman trauma semasa zaman kanak-kanak, dan tahap keyakinan diri.

#### 3.2 Sampel Kajian

Responden bagi kajian ini telah dipilih dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah di Kuala Lumpur iaitu mereka yang berada di tingkatan satu, dua, dan empat sahaja bertepatan dengan arahan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai salah satu daripada syarat kelulusan menjalankan penyelidikan. Kajian telah memfokuskan pencarian responden di Kuala Lumpur kerana negeri ini direkodkan sebagai kedua tertinggi bagi jumlah kes penderaan kanak-kanak pada tahun 2018 (Muhs Azam Shah 2019). Selain itu, kes-kes gejala sosial yang berlaku di sekitar Kuala Lumpur dengan melibatkan kumpulan remaja adalah tinggi dan keterlibatan remaja ini berkemungkinan disebabkan mempunyai pengalaman trauma semasa kanak-kanak. Walaupun negeri yang dipilih ini bukan yang mencatatkan kes tertinggi, namun kes-kesnya dilihat lebih kronik dan memerlukan perhatian segera berbanding negeri yang mendapat tempat pertama dalam kes penderaan kanak-kanak.

Kajian juga telah memfokuskan pencarian responden kepada pelajar-pelajar yang berada dalam kategori keluarga yang berpendapatan rendah. Menurut Asmawati et al. (2015), kemahiran keibubapaan, kefungsian keluarga serta kesejahteraan psikologi anak-anak adalah penting dalam memastikan kesejahteraan sesebuah keluarga. Sebaliknya, ketidakfungsian keluarga pula adalah berkait rapat dengan gejala negatif seperti kebimbangan, masalah sosial dan tingkah laku agresif. Jelasnya, keluarga yang berfungsi dengan baik dapat mengeratkan perhubungan, malah meningkatkan lagi penghargaan kendiri remaja dan dapat mengelakkan penglibatan perlakuan delinkuen (Preechawong et al. 2007).

#### 3.3 Instrumen Kajian

Pembentukan soal selidik ini melibatkan beberapa bahagian. Soalan pertama dimulakan dengan mendapatkan pengesahan daripada responden bahawa mereka telah mendapat kebenaran daripada penjaga sebelum melibatkan diri dalam kajian ini. Selanjutnya, bahagian A adalah berkaitan dengan soalan pengenalpastian. Terdapat lima soalan pada bahagian ini iaitu mewakili setiap dimensi yang terdapat dalam alat ujian *Childhood Trauma Questionnaire*, dan responden hanya dibenarkan untuk menjawab soalan seterusnya sekiranya mereka memilih jawapan ‘Ya’ melebihi tiga (3) daripada lima (5) soalan yang dinyatakan. Bahagian B pula berkaitan dengan pengalaman trauma semasa zaman kanak-kanak, manakala bahagian C pula berkaitan dengan tahap keyakinan diri, dan bahagian D iaitu bahagian terakhir adalah berkaitan dengan maklumat diri.

Bagi mengukur pengalaman trauma semasa zaman kanak-kanak ini, alat ujian *Childhood Trauma Questionnaire* (Bernstein & Fink 1998) telah digunakan. Instrumen ini mempunyai 28 item beserta enam (6) dimensi yang saling berkaitan. Dimensi-dimensi tersebut ialah penderaan emosi, penderaan fizikal, penderaan seksual, pengabaian emosi,

pengabaian fizikal, dan penafian (*Minimization/Denial*). Nilai kebolehpercayaan item bagi setiap dimensi dapat dilihat melalui nilai Alfa Cronbach iaitu nilai-nilai ini berada pada kesahan konvergen yang mencukupi dan 0.7 atau lebih menunjukkan penumpuan atau konsistensi dalaman yang memadai (Hair et al. 2006). Alat ujian ini diukur menggunakan skala likert 1 hingga 5 iaitu; 1- ‘tidak benar sama sekali’, 2 - ‘tidak benar’, 3 ‘kadang-kadang benar’, 4- ‘benar’ dan 5-‘sangat benar’.

Seterusnya, bagi mengukur tahap keyakinan diri, alat ujian yang digunakan ialah *Rosenberg Self-Esteem Scale -RSES* (Rosenberg 1965). Alat ujian ini mengandungi 10 item yang terletak di bawah satu dimensi. Menurut Swami (2011), RSES versi Bahasa Melayu mempunyai tahap kebolehpercayaan dan tahap kesahan yang tinggi, iaitu ketekalan dalaman yang baik dengan nilai Alfa Cronbach sebanyak 0.72 di mana nilai ini berada tepat pada ukuran yang diterima untuk ketekalan dalaman (Kline 1986) dan nilai ini berjaya diperoleh lebih tinggi dengan menggunakan kebolehpercayaan pembahagian separuh Guttman (*split-half Guttman*) iaitu 0.79. Instrumen ini menggunakan skala likert 4 skala tahap persetujuan iaitu: 0- ‘sangat setuju’, 1-‘setuju’, 2-‘tidak setuju’ dan 3-‘sangat tidak setuju’.

Bahagian Maklumat Diri atau demografi ini mengemukakan beberapa soalan yang berkemungkinan boleh menjadi maklumat tambahan dan penguat kepada hasil analisis data. Maklumat-maklumat tersebut ialah umur, jantina, kaum, bilangan adik-beradik, kedudukan dalam adik-beradik, dan status perkahwinan ibu bapa. Seterusnya, kesemua data yang telah diperoleh daripada responden akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science* (SPSS) versi 26.0.

#### 4. Dapatan dan Perbincangan

Kajian ini telah melibatkan 115 responden dengan lelaki sebanyak 31 orang (26.96%) dan perempuan seramai 84 orang (73.04%) (Lihat Jadual 1). Kategori responden terdiri daripada 3 kelompok umur iaitu 13 tahun, 14 tahun, dan 16 tahun, dan responden tertinggi adalah daripada kumpulan umur 13 tahun iaitu pelajar tingkatan satu dengan jumlah 53 orang (46.07%). Diikuti dengan pelajar tingkatan dua (14 tahun) dengan jumlah sebanyak 39 orang (33.91%), dan pelajar tingkatan 4 (16 tahun) seramai 23 orang (20%). Manakala kaum tertinggi yang terlibat dalam kajian ini ialah melayu dengan jumlah sebanyak 86 orang (74.78%), seterusnya kaum cina seramai 14 orang (12.17%), kaum india sebanyak 13 orang (11.30%), dan lain-lain hanyalah 2 orang sahaja (1.74%). Selanjutnya bagi maklumat bilangan adik-beradik, responden kajian ini kebanyakannya mempunyai empat orang adik-beradik iaitu seramai 27 orang (23.48%), diikuti tiga orang adik-beradik iaitu 20 orang (17.39%), dan 17 orang responden pula memiliki lima orang adik-beradik (14.78%). Seramai 16 orang responden pula mencatatkan bilangan adik-beradik satu, dua, dan enam orang (13.91%). Manakala bagi bilangan adik-beradik tujuh, lapan, dan 13, hanya seorang sahaja responden yang dicatatkan bagi ketiga-tiga kategori tersebut.

Seterusnya bagi kedudukan dalam adik-beradik, hampir separuh daripada jumlah keseluruhan responden merupakan anak pertama iaitu seramai 52 orang (45.22%). Anak kedua pula mencatatkan 19 orang responden (16.52%), 14 orang responden bagi anak ketiga (12.17%), 11 orang responden merupakan anak keempat, 12 orang responden merupakan anak kelima, empat orang responden pula merupakan anak keenam, dan seorang responden dicatatkan bagi kedudukan ketujuh, lapan, dan sembilan (0.87%). Bagi soalan status perkahwinan ibu ayah pula, kebanyakannya masih bersama dan tinggal serumah iaitu 98 orang (85.22%), manakala masih bersama namun tinggal berasingan adalah sebanyak 3 orang sahaja (2.61%). Bagi status bercerai hidup, seramai 10 orang responden telah dicatatkan (8.70%) dan bercerai mati pula adalah sebanyak 4 orang sahaja (3.48%).

JADUAL 1. Maklumat Demografi

<b>Demografi Responden</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan (f)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Jantina	Lelaki	31	26.96
	Perempuan	84	73.04
Umur	13 Tahun	53	46.07
	14 Tahun	39	33.91
	16 Tahun	23	20.00
Kaum	Melayu	86	74.78
	Cina	14	12.17
	India	13	11.30
	Lain-lain	2	1.74
Bilangan Adik-beradik	Satu (1)	16	13.91
	Dua (2)	16	13.91
	Tiga (3)	20	17.39
	Empat (4)	27	23.48
	Lima (5)	17	14.78
	Enam (6)	16	13.91
	Tujuh (7)	1	0.87
	Lapan (8)	1	0.87
	13	1	0.87
Kedudukan dalam adik-beradik	Satu (1)	52	45.22
	Dua (2)	19	16.52
	Tiga (3)	14	12.17
	Empat (4)	11	9.57
	Lima (5)	12	10.43
	Enam (6)	4	3.48
	Tujuh (7)	1	0.87
	Lapan (8)	1	0.87
	Sembilan (9)	1	0.87
Status Perkahwinan Ibu Ayah	Bersama (Tinggal Serumah)	98	85.22
	Bersama (Tinggal Berasingan)	3	2.61
	Bercerai Hidup	10	8.70
	Bercerai Mati	4	3.48

Jadual 2 pula merupakan jenis-jenis trauma yang dialami oleh para pelajar di Kuala Lumpur. Berdasarkan jadual tersebut, trauma tertinggi yang dialami oleh responden kajian ini ialah Pengabaian Emosi dengan jumlah keseluruhan sebanyak 2071 (29.43%), diikuti Penderaan Emosi iaitu 1493 bersama dengan 21.22%, nilai 1317 pula dicatatkan oleh Pengabaian Fizikal (18.72%), dan Penderaan Fizikal merekodkan nilai sebanyak 1123 (15.96%), serta Penderaan Seksual sebagai trauma yang terendah iaitu sebanyak 1033 (14.68).

JADUAL 2. Jenis-jenis Trauma

	Jumlah Keseluruhan	Min	Sisihan Piawai	Peratus (%)
Penderaan Emosi	1493.00	12.9826	6.60008	21.22
Penderaan Fizikal	1123.00	9.7652	5.27711	15.96
Penderaan Seksual	1033.00	8.9826	4.74431	14.68
Pengabaian Emosi	2071.00	18.0087	5.96701	29.43
Pengabaian Fizikal	1317.00	11.4522	2.59974	18.72
Jumlah	7037.00			100

Berdasarkan Jadual 2, pengkaji mendapati bahawa remaja-remaja di Kuala Lumpur kebanyakannya mengalami pengabaian emosi daripada ibu bapa atau penjaga mereka sewaktu zaman kanak-kanak.

Seterusnya, objektif kedua kajian iaitu mengenal pasti tahap keyakinan diri para pelajar dapat dilihat pada Jadual 3. Tahap keyakinan diri ini diukur dengan berpandu kepada Pimental (2019) yang mengemukakan nilai penentuan keyakinan diri iaitu sangat rendah (1.00-1.75), rendah (1.76-2.51), tinggi (2.52-3.27), dan sangat tinggi (3.28-4.00). Berpandukan kepada jadual 4.3, skor min keyakinan diri ialah 1.54 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.70. Nilai ini menunjukkan bahawa responden kajian ini mempunyai tahap keyakinan diri yang sangat rendah.

JADUAL 3. Skor Min Keyakinan Diri

	Min	Sisihan Piawai
Keyakinan Diri	1.54	0.70

Objektif ketiga pula iaitu mengenal pasti hubungan trauma semasa zaman kanak-kanak terhadap keyakinan diri telah direkodkan dalam jadual 4.4. Bagi mengenal pasti hubungan tersebut, analisis inferensi iaitu analisis korelasi pearson dijalankan ke atas data-data yang telah diperoleh.

Berdasarkan Jadual 4, kesemua dimensi dilihat mempunyai hubungan korelasi dengan keyakinan diri. Pekali korelasi pearson, r bagi penderaan emosi mencatatkan nilai  $-0.72^{**}$ , iaitu menunjukkan bahawa wujudnya hubungan negatif yang kuat dan sangat signifikan dengan keyakinan diri ( $p < 0.01$ ). Seterusnya, penderaan fizikal pula menunjukkan wujudnya hubungan korelasi negatif yang sederhana dan sangat signifikan dengan nilai  $-0.48^{**}$  terhadap keyakinan diri ( $p < 0.01$ ). Penderaan seksual juga menunjukkan corak yang sama iaitu wujudnya hubungan korelasi negatif yang sederhana namun sangat signifikan, dengan nilai pekali korelasi pearson sebanyak  $-0.40^{**}$ ,  $p < 0.01$ . Manakala terdapat hubungan korelasi positif yang kuat dan sangat signifikan antara pengabaian emosi dengan keyakinan diri, iaitu  $r = 0.71^{**}$ ,  $p < 0.01$ . Pengabaian fizikal pula menunjukkan wujudnya hubungan korelasi positif yang lemah namun sangat signifikan dengan keyakinan diri, iaitu  $r = 0.26^{**}$ ,  $p < 0.01$ .

JADUAL 4 Analisis korelasi antara dimensi boleh ubah

	Penderaan Emosi	Penderaan Fizikal	Penderaan Seksual	Pengabaian Emosi	Pengabaian Fizikal
Keyakinan Diri	$-0.72^{**}$	$-0.48^{**}$	$-0.40^{**}$	$0.71^{**}$	$0.26^{**}$

\*\*. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

Keputusan kajian selari dengan beberapa kajian lain yang mendapati kanak-kanak yang mengalami pengalaman penderaan cenderung untuk tidak mempunyai keyakinan diri (Atencion et al. 2019; Irene & Choo 2016; Nurul Hidayana et al. 2021). hasil dapatan ini wajar diberikan perhatian pihak berwajib sebagai langkah awal menangani sebarang kemungkinan masalah-masalah berlaku ke atas mangsa penderaan. Akibat lain kepada individu ini, apabila tahap keyakinan diri semakin kurang, peluang untuk mereka terdedah kepada masalah mental dan psikologikal akan lebih terbuka, dan ini merupakan sesuatu yang perlu dielakkan. Latihan dan pembangunan kurikulum pembelajaran yang baik serta penjagaan emosi individu perlu diberikan perhatian agar sentiasa stabil dan tidak terganggu

dengan pengalaman lepas sehingga menjelaskan aktiviti kehidupan di masa hadapan di samping terus membina keyakinan diri yang mantap (Amy et al. 2021).

## 5. Rumusan dan Cadangan

Secara keseluruhan, pengalaman trauma semasa zaman kanak-kanak dilihat sangat memberikan pengaruh kepada keyakinan diri seseorang ketika remaja. Pengalaman trauma tersebut tidak hanya khusus kepada penderaan fizikal, malah penderaan emosi, pengabaian fizikal, pengabaian emosi, dan penderaan seksual juga akan memberikan kesan yang buruk kepada keyakinan diri seseorang kanak-kanak apabila mereka menjadi dewasa kelak. Namun, daripada kelima-lima jenis trauma ini, majoriti responden kajian ini menunjukkan bahawa mereka merupakan mangsa pengabaian emosi oleh ibu bapa atau penjaga, dan diikuti dengan penderaan emosi yang merupakan jenis trauma kedua tertinggi. Kajian berkaitan dengan pengalaman trauma semasa zaman kanak-kanak di dalam negara dilihat agak kurang dan perlukan kajian yang lebih luas.

Namun, negara-negara luar dilihat lebih banyak menjalankan kajian yang berkaitan dengan trauma atau penderaan kanak-kanak dan dikaitkan dengan pelbagai isu lain seperti tingkah laku delinkuen dan lain-lain. Bagi kajian khusus berkaitan pengalaman trauma semasa zaman kanak-kanak dan pengaruhnya terhadap keyakinan diri remaja, kajian ini merupakan penerokaan terawal yang dijalankan di Malaysia. Bagi meneruskan dan mengembangkan lagi kajian berkaitan pengalaman trauma semasa zaman kanak-kanak dan pengaruhnya terhadap keyakinan diri, pengkaji menyarankan agar kajian akan datang dijalankan dalam bentuk kualitatif pula agar maklumat yang diperoleh akan lebih terperinci disamping mampu memberikan sokongan mental dan bantuan kepada individu-individu yang telah dikenal pasti. Kajian yang lebih berskop kecil ini berkemungkinan mampu memberikan perubahan yang lebih baik berbanding kajian berskala besar yang agak sukar untuk dilakukan perubahan dan memerlukan tempoh masa yang lama untuk berjaya diadaptasikan.

## Rujukan

- Amy J. L. Baker, Stacie LeBlanc, Trinae Adebayo, & Ben Mathews. (2021). Training for mandated reporters of child abuse and neglect: Content analysis of state-sponsored curricula. *Child Abuse & Neglect*. 113.
- Atencion, B. C. S., Alingalan, A. F., Man, R. M. F. O., Cordova, J. D. N., Dumaguing, M. C. M., & Suaboksan, M. T. T. (2019). Factors associated with intention to report child abuse among district hospital nurses in Iloilo, Philippines. *International Journal of Caring Sciences*, 12(1), 210-217.
- Bayram K, Almila E.R. (2014). Childhood traumatic experiences, anxiety, and depression levels in fibromyalgia and rheumatoid arthritis. *Nöro Psikiyatri Arşivi*. 51(4):344–349.
- Beacher Schneider. (2013). I had the perfect childhood: minimization and denial on the Childhood Trauma Questionnaire. *School of Medicine. Independent Study Projects*
- Bernstein D.P, Fink L. (1998). Childhood Trauma Questionnaire: A retrospective self-report manual. San Antonio, TX: The Psychological Corporation,. *Independent Study Projects*.
- Bernstein, David P., et al. (1997). "Validity of the Childhood Trauma Questionnaire in an adolescent psychiatric population." *Journal of the American Academy of Child & Adolescent Psychiatry* 36.3: 340-348.

- Chafouleas, S. M., Koriakin, T. A., Roundfield, K. D., & Overstreet, S. (2019). Addressing childhood trauma in school settings: A framework for evidence-based practice. *School mental health*, 11(1), 40-53.
- Fordham, L., & Kennedy, A. (2017). Engaging vulnerable children and families: Learning from a new model of education and care. *Australasian Journal of Early Childhood*, 42, 30–37.
- Irene Guat-Sim Cheah, Choo Wan Yuen. (2019). A Review of Research on Child Abuse in Malaysia. *Researchgate. Med | Malaysia*, 71, 7-99.
- Ikechukwa Uba, Siti Nor Yaacob, Rumaya Juhari, Mansor Abu Talib. (2010). Effect of Self-Esteem on the Relationship between Depression and Bullying among Teenagers in Malaysia. *Asian Social Sciences. Researchgate*, 6(12), 77-85.
- Lian, T. C., & Yussoff, F. (2009). The effects of family functioning on self-esteem of children. *European Journal of Social Sciences*, 9(4), 643-650.
- Loy See Mey, Rozainee Khairudin, Tengku Elmi Azlina Tengku Muda, Daniella M Mokhtar, Mohammad Rahim Kamaluddin. 2022. Survey dataset on the prevalence of Childhood Maltreatment History among Drug Addicts in Malaysia. *Elsevier, Data in Brief*, 31, 1-5.
- Maisarah Mohd Alim & Syaza Hazwani Zaini. (2021). Persepsi ibu bapa terhadap kaedah bermain dalam pembelajaran matematik awal kanak-kanak di rumah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 10 (2), (1-15).
- Maznah Othman, Norulhuda Sarnon, & Ezarina Zakaria. (2019). Meneroka Kefungsian Keluarga Remaja Perempuan Tidak Terkawal Yang Dirujuk Ibu Bapa Untuk Intervensi Kerja Sosial. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(9): 86-101.
- Mercede Erfanian. (2018). Childhood Trauma: A Risk for Major Depression in Patients with Psoriasis. *Psychiatry and Clinical Psychopharmacology* 1-8.
- Muhammed Sharif Mustaffa & Nur Diyana Abd Rahim. (2012). Kesan Psikologi dan Bentuk Sokongan Anak Deraan Seksual. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 6, 30-49.
- Natasha J. Ayling, Kerryann Walsh & Kate E. Williams. (2020). Factors influencing early childhood education and care educators' reporting of child abuse and neglect. *Australasian Journal of Early Childhood*, 45(1) 95–108.
- Newman, N., Northcutt, A., Farmer, A., & Black, B. (2019). Epstein's Model of parental involvement: Parent perceptions in urban schools. *Language Teaching and Educational Research*, 2(2), 81–100.
- Noorjannah. (2014). Intervensi Penderaan Kanak-Kanak : Penderaan Emosi. *Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia*.
- Nurul Munirah, A. J. (2019). Perlindungan kepada mangsa penderaan seksual kanak-kanak: Kajian di Brunei Darussalam/Nurul Munirah Awang Jumat. *Doctoral dissertation, University of Malaya*.
- Nurul Hidayana Mohd Noor Sharifah Hanis Syamimi Ghazali & Nurul Nabila Huda Abu Bakar. (2021). Public intention to report child abuse in Malaysia: a cross sectional study. *Journal Voice of Academia*, 17(1). 193 - 203
- Orth, U., Trzesniewski, K. H., & Robins, R. W. (2010). Self-esteem development from young adulthood to old age: a cohort-sequential longitudinal study. *Journal of personality and social psychology*, 98(4), 645.
- Pennebaker, J.W. & Susman, J.R. (1988). Disclosure of traumas and psychosomatic processes. *Social Science and Medicine*, 26, 327-332.
- Puspha, A., & Sukumaran, P. (2019). Self-esteem, Resilience, Perceived Social Support And Attitude Towards Seeking Counseling Among Pre-university Students In A University In Malaysia, 1-13.

- Rebecca M. Bolen. (2000). Validity of Attachment Theory. *Trauma, Violence, & Abuse*, 2, 128-153.
- Shi, X., Wang, J., & Zou, H. (2017). Family functioning and Internet addiction among Chinese adolescents: The mediating roles of self-esteem and loneliness. *Computers in Human Behaviour*, 76, 201-210.
- Swami, V. 2011. Further Examination of the Psychometric Properties of the Malay Rosenberg Self-Esteem Scale. Dlm. (pnyt.). hlm. 371-380.
- Tsai, J. L., Ying, Y. W., & Lee, P. A. (2001). Cultural predictors of self-esteem: A study of Chinese American female and male young adults. *Cultural Diversity and Ethnic Minority Psychology*, 7(3), 284.
- Wang, J., & Zhao, X. (2012). Family functioning and social support for older patients with depression in an urban area of Shanghai, China. *Archives of Gerontology and Geriatrics*, 55(3), 574-579.
- Zasmani Shafiee. (2003). Counselling through Islamic perspective: Incest (Kaunseling melalui perspektif Islam: Sumbang mahram). *Proceeding of National Counselling Conference on Islamic Perspective (Prosiding Seminar Kebangsaan Kaunseling Berperspektif Islam)*, 81-93.